

# KESAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN SUMBER SEJARAH TERHADAP IDENTITI MATA PELAJARAN SEJARAH (The Effect of Historical Resources based Learning Method on Identity of History Subjects)

\* M.Kaviza<sup>1</sup>, Asiah Dahaman<sup>2</sup>, Mariani Omar<sup>3</sup>, Rusniyati Rosli<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010, Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia.

<sup>2,3,4</sup>SMK Padang Besar Utara  
02100 Padang Besar (U), Perlis Indera Kayangan, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [kavizakaviza@yahoo.com](mailto:kavizakaviza@yahoo.com)

## Article History:

Submit: 13 October 2018

Accepted: 8 November 2018

Revised: 16 November 2018

Published: 30 June 2019

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 3, No. 1 (2019), 9-19

## Abstrak

Kajian eksperimen kuasi ini bertujuan untuk mengkaji kesan kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah terhadap identiti mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid Tingkatan Empat. Aspek yang dikaji ialah perbezaan identiti mata pelajaran dari segi keseronokan belajar mata pelajaran sejarah, keyakinan sendiri sebagai seorang ahli sejarah, kemampuan murid berperanan sebagai ahli sejarah, persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas dan penggunaan sumber-sumber sejarah bagi murid yang menjalani pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang menjalani kaedah pengajaran konvensional. Sampel kajian ini terdiri daripada 136 orang murid yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan berkelompok yang melibatkan dua buah kelas sedia ada di dua buah sekolah menengah di utara semenanjung Malaysia. Murid yang menjalani kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah diklasifikasikan sebagai kumpulan eksperimen dan murid yang menjalani kaedah pengajaran konvensional diklasifikasikan sebagai kumpulan kawalan. Soal selidik yang diadaptasi telah dijadikan sebagai instrumen kajian yang dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui ujian-t sampel tak bersandar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dan kaedah pengajaran konvensional dapat meningkatkan identiti mata pelajaran sejarah. Namun begitu, terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam aspek keseronokan belajar mata pelajaran sejarah, keyakinan sendiri sebagai ahli sejarah, kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah, persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas dan penggunaan sumber-sumber sejarah dalam identiti mata pelajaran sejarah bagi murid yang menjalani kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang menjalani kaedah pengajaran konvensional. Implikasi kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum untuk mencadangkan kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berpotensi dilaksanakan di semua peringkat sekolah

Kata kunci: Identiti mata pelajaran sejarah, kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah, murid Tingkatan Empat

## Abstract

This quasi experiment study aims to examine the impact of history resources based learning on the identity of the history subject among Form Four students. The aspects that are being studied are the differences in the history subject identity in terms of enjoyment of learning history subjects, self-esteem as a historians, the student's ability to serve as historians, the perception of the history of history as past event and the use of historical sources among students in historical resources based learning with students in conventional teaching methods. The sample of this study consisted of 136 students who were selected using cluster sampling technique involving two existing classes from two secondary schools in the northern peninsular of Malaysia. Students in historical resources based learning are classified as experimental groups and students in conventional teaching methods are classified as control groups. The questionnaires used in this study was adapted. Descriptive and inferential statistic such as independent sample t-tests was conducted in this study. Overall, the findings showed the historical resources based learning and conventional teaching methods can enhance the identity of historical subjects. However, there is a significant difference in mean score in the aspects of the enjoyment of learning history subjects, self-confidence as historians, the ability to serve as historians, the perception of the history of history as past event and the use of historical sources in the identities of historical subjects aspects for students in historical resources based learning with students in

conventional teaching methods. The implication of this study found that guidance was made to the Curriculum Development Center to suggest historical resources based learning as one of the most effective methods of teaching and learning history at all school levels.

*Keywords:* Form four students, identity of history subject, historical resources based learning method

## 1.0 PENGENALAN

Mata pelajaran sejarah yang dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 merupakan salah satu usaha pemartabatan ilmu sejarah. Sehubungan dengan itu, inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah perlu dilaksanakan selaras perkembangan sistem pendidikan pada abad ke-21. Realitinya, ilmu sejarah adalah melibatkan penyiasatan, penyelidikan dan interpretasi mengenai sumber sejarah (Hazri, Jamil, 2003). Pendidikan sejarah merupakan kajian terhadap himpunan bahan-bahan peninggalan masa silam yang digunakan oleh ahli sejarah sebagai bukti bagi membuktikan intrpretasi mereka mengenai masa silam (Hover, Hicks & Dack, 2016; Wineburg, 1991). Proses penyelidikan dan usaha mendapatkan maklumat dalam sejarah adalah berkaitan dengan memahami, menilai, menganalisis dan menginterpretasikan sumber sejarah yang dijadikan bukti kepada penjelasan yang dibuat tentang perkara masa silam. Oleh itu, pembelajaran berasaskan penggunaan sumber sejarah sama ada sumber primer mahupun sumber sekunder seperti dokumen, imej, fotograf, artifak, lisan dan sebagainya perlu dipraktikkan dalam mata pelajaran sejarah (Renuka, 2012). Namun begitu, pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan sumber sejarah di dalam kelas masih terhad (Wineburg, 1991) kerana guru sejarah bergantung sepenuhnya kepada buku teks (Siti Hawa Abdullah, 2008) yang menyebabkan murid tidak dapat meneroka atau mengkaji sumber sejarah yang lain bagi meningkatkan pemahaman mereka terhadap suatu peristiwa sejarah dengan mendalam (Cowgill II, 2014; Newmann, 2001; Hynd, 1999). Penggunaan sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu inovasi dalam pedagogi pengajaran sejarah yang bersifat konvensional dengan menggunakan buku teks. Dengan kemajuan teknologi dan pendigitalan sumber sejarah, guru sejarah berupaya untuk mengakses, memuat turun dan menggunakan sumber sejarah melalui laman web sejarah agar dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas (Huistra & Mellink, 2016; Breakstone & Smith, 2013; Brown & Dotson, 2007). Oleh itu, murid berpeluang untuk mengkaji sumber sejarah dengan membuat interpretasi dan tafsiran sejarah berdasarkan bukti sejarah bagi meningkatkan pemahaman sejarah, disamping dapat meningkatkan proses intelektual murid (Merkt, Werner & Wagner, 2017; Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013; Reisman, 2012).

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

### 2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Pemartabatan mata pelajaran sejarah mulai tahun 2013 telah mendapat pelbagai reaksi daripada semua pihak dan pelbagai persoalan yang telah ditimbulkan berkaitan dengan kandungan mata pelajaran sejarah yang diajar. Hal ini bertujuan untuk memastikan identiti mata pelajaran sejarah dapat dipupuk dalam kalangan murid yang menjadi elemen penting dalam mata pelajaran sejarah (Mohd Mazhan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Nur Syazwani Abdul Talib, 2016; Pusat Perkembangan Kurikulum, 2015; Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin, 2012). Hal ini kerana mata pelajaran sejarah bukanlah mata pelajaran yang membincangkan sesuatu peristiwa masa lepas dan fakta-fakta sejarah tetapi ianya melibatkan keperluan untuk mengetahui sesuatu peristiwa dari segi sebab, akibat dan kesinambungan yang dapat meningkatkan proses inkuiri sejarah yang mendalam (Reisman, 2012), meningkatkan minat dan keseronokan dalam belajar mata pelajaran sejarah (Nokes, 2014), seterusnya menggalakkan murid untuk berperanan sebagai ahli sejarah dalam membuat penyiasatan peristiwa sejarah (Wineburg, 1991; 2001). Perkembangan teknologi yang pesat telah memudahkan akses kepada sumber sejarah dapat dilakukan dengan lebih mudah dalam bentuk digital dan bukan digital. Pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang inovatif dan menarik merupakan salah satu kekangan dalam penguasaan kandungan kurikulum sejarah (Mohd Mahzan Awang et al, 2016). Hal ini kerana keberkesanan sesuatu kaedah penyampaian pembelajaran adalah bergantung kepada pemantapan ilmu dan identiti mata pelajaran sejarah itu sendiri. Daya kreativiti dan imaginasi yang baik dapat diperkembangkan dengan baik dalam kalangan murid melalui pelaksanaan kaedah pengajaran yang sesuai. Kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bersifat sehalu menyebabkan murid berasa cepat bosan dan jemu terhadap mata pelajaran sejarah (Mohd Mahzan Awang et al, 2016; Abdul Rahim Abdul Rashid, 1999; Omardin

Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996). Justeru, kaedah pembelajaran sejarah berasaskan sumber sejarah telah membawa kesan positif terhadap proses pengkajian sejarah. Antaranya, peningkatan minat belajar sejarah (Nokes, 2014) dan penguasaan pengetahuan dan kemahiran sejarah (Reisman, 2012) serta pemahaman isi kandungan sejarah yang mendalam (Breakstone, & Smith, 2013; Britt, & Rouet, 2011). Penggunaan sumber sejarah dalam pendidikan sejarah membolehkan murid menjalankan pembelajaran aktif yang bersifat konstruktif secara dua hala (Hover, Hicks, & Dack, 2016; Rantala & Van den Berg, 2015; Macedo-Rouet, Braasch, Britt, & Rouet, 2013).

## 2.2 Sumber sejarah

Menurut Suntharalingam, (1985) dalam bukunya “Pengenalan Kepada Sejarah” telah mentakrifkan sumber sejarah sebagai sebuah karya yang menyediakan maklumat atau bukti yang bersifat asli yang berkaitan dengan sesuatu fakta, kejadian atau siri sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu yang dijadikan bahan kajian oleh ahli sejarah. Terdapat dua jenis sumber sejarah iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer iaitu merujuk kepada sumber seperti catatan, laporan, surat, buku harian, dokumen, rekod dan sebagainya yang bersifat asli yang dapat memberikan maklumat, catatan atau melaporkan mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku (Library of Congress, 2006; Hazri Jamil, 2003; Newmann, 2001). Manakala, sumber sekunder pula dirujuk sebagai sumber yang tidak asli yang dihasilkan oleh ahli sejarah melalui pengkajian atau penulisan mereka tentang sesuatu peristiwa sejarah berpandukan kepada sumber primer seperti ensklopedia, majalah, buku teks, risalah dan sebagainya (Library of Congress, 2006; Hazri Jamil, 2003).

## 2.3 Kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah

Inovasi dalam sistem pendidikan di Malaysia yang pesat membolehkan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik dan bermakna (Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, Ahmad Ali Seman, & Ramle Abdullah, 2013). Kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dibuktikan dapat memberikan kesan positif kepada para murid. Antaranya, dalam kajian Nokes, (2014) mendapati bahawa pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dapat meningkatkan minat belajar sejarah dalam kalangan murid yang berbeza aliran kelas, di samping dapat menggalakkan murid berperanan sebagai seorang ahli sejarah dalam membuat penyiasatan sejarah secara emperikal. Penggunaan sumber sejarah memberikan peluang kepada guru sejarah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik (Merkt, Werner, & Wagner, 2017; Reisman, & Fogo, 2016; Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013). Oleh itu, kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah menyebabkan murid tidak berasa bosan dengan mata pelajaran sejarah yang sebelum ini mata pelajaran diungkapkan sebagai mata pelajaran membosankan oleh para murid (Azwan Ahmad, Abdul Ghani Kaneson Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad & Abdul Rahman Abdul Aziz, 2005). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah berupaya memberikan keseronokan dalam pembelajaran dengan menjadikan pembelajaran lebih efektif (Mohd Mahzan Awang et al, 2016; Kwartolo, 2010).

## 3.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pembelajaran berasaskan sumber sejarah dapat meningkatkan minat belajar sejarah. Oleh itu, murid perlu didedahkan dengan aktiviti pembelajaran sejarah dengan menggunakan pelbagai jenis sumber sejarah agar murid tidak berasa bosan dan jemu dan tidak berminat untuk belajar mata pelajaran sejarah. Dapatan ini selaras dengan kajian Nokes, (2014) yang mengkaji peranan murid dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran “Document based Lesson” secara tinjauan dalam kalangan murid gred lima. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap perubahan peranan murid dari awal hingga akhir sesi pengajaran terhadap 30 aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Peningkatan minat dalam kalangan murid juga dikesan pada akhir sesi pengajaran yang menggalakkan pembelajaran aktif dan bukannya bersifat sehalu. Oleh itu, penggunaan sumber sejarah, khususnya sumber dokumen sejarah berpotensi untuk meningkatkan peranan sebagai ahli sejarah dan minat belajar sejarah dalam kalangan murid. Dapatan ini adalah bertentangan dengan kajian Cowgill II dan Waring, (2017) secara kualitatif yang telah mereplika kajian Wineburg, (1991) untuk membandingkan kemampuan murid dalam menganalisis sumber dokumen sejarah terhadap peningkatan strategi kemahiran pemikiran sejarah. Dapatan kajian ini mendapati bahawa strategi kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan ahli sejarah dan murid tersebut masih rendah. Hal ini kerana mereka tidak mampu terlibat dengan aktiviti analisis sumber sejarah yang

kompleks disebabkan kurangnya pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan sumber sejarah di dalam kelas yang telah mengesahkan minat murid dalam belajar mata pelajaran sejarah.

Tambahan pula, dalam kajian yang dijalankan oleh Rantala dan Van den Berg, (2015) secara kualitatif pula membincangkan tentang peningkatan pengetahuan dan kemahiran sejarah melalui pelaksanaan pembelajaran berasaskan sumber sejarah dalam kalangan murid di Finnish. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir murid sahaja yang berkemampuan untuk menganalisis sumber sejarah yang diberikan walaupun mereka masih berada pada tahap novis. Murid tersebut juga didapati mampu menentukan kredibiliti kesahihan dan jenis sumber sejarah tersebut. Dapatan ini juga selaras dengan kajian Wineburg, (1991) yang telah membuat perbandingan terhadap analisis sumber primer antara murid dengan ahli sejarah. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penguasaan pemahaman sejarah adalah berbeza antara murid dan ahli sejarah. Hal ini kerana murid kurang yakin dalam membuat interpretasi sejarah dengan menggunakan pelbagai jenis sumber sejarah di dalam kelas. Di samping itu, peningkatan keyakinan dan kemampuan murid berperanan sebagai ahli sejarah juga dapat dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Reisman, (2012) yang memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran "Document based Lesson". Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa penajanaan pengetahuan dan kemahiran sejarah dapat dipertingkatkan melalui proses analisis sumber sejarah, di samping keyakinan dan kemampuan murid untuk membuat pengadiliran yang bernas terhadap kesahihan fakta sejarah dalam sumber sejarah yang dikaji. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran sejarah berasaskan penggunaan sumber sejarah berupaya meningkatkan penguasaan pengetahuan, minat belajar sejarah, keyakinan dan kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah yang dapat memartabatkan identiti mata pelajaran sejarah tersebut.

Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah didasari oleh Teori Keluwesan Kognitif (Spiro, Feltovich, Jacobson & Coulson, 1995) menjelaskan bahawa keperluan untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan menggunakan pelbagai jenis bahan pengajaran dan pembelajaran yang menyediakan murid dengan pelbagai maklumat dan pengetahuan. Oleh itu, murid dapat menguasai pengetahuan yang meluas daripada isi kandungan pelajaran yang dipelajari. Tambahan pula, bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan dalam pelbagai format dan bentuk seperti teks, visual, audio dan sebagainya membolehkan murid dapat membuat interpretasi dari sudut pandangan berbeza (Jacobson & Archodidou, 2000). Dalam konteks kajian ini, kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah melibatkan penggunaan sumber sejarah yang terdiri daripada dua jenis bentuk atau format yang disediakan untuk setiap unit pembelajaran yang telah dirancang dalam modul aktiviti pembelajaran yang dibangunkan. Misalnya, pengkaji telah mempelbagaikan sumber dokumen yang berbentuk teks dengan fotograf, peta, video dan sebagainya yang format digital dan bercetak dalam setiap unit pembelajaran. Hal ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada murid untuk menganalisis sumber sejarah agar dapat meningkatkan pemahaman sejarah.

#### 4.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab lima persoalan kajian seperti berikut:

- a) Adakah terdapat perbezaan min skor keseronokan belajar mata pelajaran sejarah yang signifikan bagi murid mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pengajaran konvensional?
- b) Adakah terdapat perbezaan min skor keyakinan sendiri sebagai seorang ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pengajaran konvensional?
- c) Adakah terhadap perbezaan min skor kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?
- d) Adakah terhadap perbezaan min skor persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?
- e) Adakah terhadap perbezaan min skor penggunaan sumber-sumber sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?

## 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian eksperimen kuasi dengan reka bentuk Ujian Pra – Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Tidak Serupa (Cook & Campbell, 1979) ini melibatkan seramai 136 orang murid Tingkatan Empat dari dua buah sekolah menengah di utara Semenanjung Malaysia. Sekolah yang telah dipilih terdiri daripada murid yang mempunyai latar belakang dan sosioekonomi yang sama, di samping pencapaian yang setara dalam mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) pada tahun sebelumnya. Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan teknik persampelan berkelompok yang melibatkan kelas sedia ada di sekolah tersebut. Murid dari kumpulan eksperimen didedahkan dengan kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah melalui Modul Pembelajaran Berasaskan Sumber Sejarah (Modul PBSS) yang telah dibina oleh pengkaji manakala murid dari kumpulan kawalan pula menjalankan kaedah pengajaran konvensional. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasi daripada Nokes, (2014) untuk mengukur kecenderungan murid terhadap identiti mata pelajaran sejarah. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A yang merujuk kepada Demografi Murid dan Bahagian B yang mengandungi 27 item yang menguji identiti mata pelajaran sejarah dengan menggunakan skala likert lima mata. Instrumen soal selidik ini telah dialih bahasa ke Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah terjemah-terjemah semula (Neuman, 2000) dengan bantuan dua orang pakar penterjemah yang berkemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Nilai kebolehpercayaan soal selidik tersebut ialah 0.94 iaitu nilai yang baik dan diterima untuk tujuan penyelidikan (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu ujian-t bagi sampel tak bersandar.

### 5.1 Demografi Murid

Sampel kajian ini terdiri daripada 136 orang murid dari dua buah sekolah menengah harian. Berdasarkan Jadual 1, terdapat seramai 31 orang murid lelaki dan 36 orang murid perempuan dalam kumpulan eksperimen manakala terdapat seramai 30 orang murid lelaki dan 39 orang murid perempuan dalam kumpulan kawalan. Dari segi bangsa pula, seramai 58 orang murid adalah berbangsa Melayu, 8 orang murid berbangsa Cina dan seorang murid berbangsa lain-lain dalam kumpulan eksperimen, manakala seramai 68 orang murid adalah berbangsa Melayu dan seorang murid berbangsa Cina dalam kumpulan kawalan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 1 Bilangan Sampel Kajian Berdasarkan Jantina

Kumpulan Eksperimen		Kumpulan Kawalan	
Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
N= 31	N= 36	N= 30	N= 39
136			

Jadual 2 Bilangan Sampel Kajian Berdasarkan Bangsa

Bangsa	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Kumpulan Eksperimen	58	8	-	1	67
Kumpulan Kawalan	68	1	-	-	69

## 6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan seperti berikut:

### 6.1 Persoalan Kajian 1

Adakah terdapat perbezaan min skor keseronokan belajar mata pelajaran sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, hipotesis kajian ( $H_{01}$ ) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) adalah seperti berikut:

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan min skor keseronokan belajar mata pelajaran sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional

Berdasarkan Jadual 3, kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca dalam keseronokan belajar mata pelajaran sejarah. Perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah 5.64 (20.45 – 14.81). Manakala, perbezaan min skor bagi kumpulan kawalan pula adalah 0.28 (16.46 – 16.18). Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Seterusnya, ujian signifikan bagi peningkatan skor min antara kumpulan eksperimen dan kawalan (Jadual 4) menunjukkan bahawa nilai-t adalah  $t(133) = 5.39$ . Pada aras signifikan yang telah ditetapkan adalah  $p < .05$  (2 tailed) nilai  $p = 0.00$ . Hal ini telah menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan dalam perbezaan skor min di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Maka,  $H_{01}$  berjaya yang ditolak. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sememangnya memberikan kesan yang signifikan terhadap keseronokan belajar mata pelajaran sejarah. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Nokes, (2014) dan Reisman, (2012) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan pembelajaran berasaskan sumber sejarah secara kerap dan intensif dapat meningkatkan keseronokan belajar mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. Hal ini dapat mengelakkan murid daripada menjadi bosan sekiranya mereka bergantung sepenuhnya terhadap maklumat dalam buku teks yang merupakan interpretasi penulis yang berkemungkinan mewujudkan unsur bias. Penggunaan sumber sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah membolehkan murid berbincang dengan rakan-rakan dan membuat penerokaan maklumat berkaitan sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam (Barton, 2005).

Jadual 3 Perbezaan Min Skor antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Keseronokan Belajar Mata Pelajaran Sejarah)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor
Min	14.81	20.45	5.64	16.18	16.46	0.28
Sisihan Piawai	4.82	4.05	0.77	4.17	4.52	- 0.65

Jadual 4: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Peningkatan Min Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Keseronokan Belajar Mata Pelajaran Sejarah)

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	Sig.						Bawah	atas
Perbezaan Skor Min	0.07	0.79	5.39	133	0.00	3.99	0.74	2.53	5.45

\*Pada aras signifikan 0.05

## 6.2 Persoalan Kajian 2

Adakah terdapat perbezaan min skor keyakinan sendiri sebagai seorang ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pengajaran konvensional?

Bagi menjawab persoalan kajian diatas, hipotesis kajian ( $H_{02}$ ) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) adalah seperti berikut:

$H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan min skor keyakinan sendiri sebagai seorang ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional.

Berdasarkan Jadual 5, kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca dalam keyakinan sendiri sebagai seorang ahli sejarah. Perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah 5.40 (22.71 – 17.31). Manakala perbezaan min skor bagi kumpulan kawalan pula adalah -0.93 (18.61 – 19.54). Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Seterusnya, ujian signifikan bagi peningkatan skor min antara kumpulan eksperimen dan kawalan (Jadual 6) menunjukkan bahawa nilai-t adalah  $t(133) = 6.08$ . Pada aras signifikan yang telah ditetapkan adalah  $p < .05$  (2 tailed) nilai  $p = 0.00$ . Hal ini menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam perbezaan skor min di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Maka,  $H_{02}$  berjaya yang ditolak. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sememangnya memberikan kesan yang signifikan

terhadap keyakinan sendiri sebagai ahli sejarah. Namun begitu, dapatan ini adalah selaras dengan kajian Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah, (2015) dan Cowgill II dan Waring, (2017) yang mengatakan bahawa penggunaan sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat meningkatkan keyakinan murid dalam menganalisis sumber sejarah dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah yang merupakan salah satu elemen dalam kurikulum sejarah yang perlu dikuasai oleh murid. Tahap keyakinan sendiri yang tinggi membolehkan murid dapat membuat perbandingan yang jitu sebagai seorang ahli sejarah semasa membuat pentafsiran sejarah dan mampu menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah dengan yakin

Jadual 5: Perbezaan Min Skor antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Keyakinan Kendiri Sebagai Ahli Sejarah)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor
Min	17.31	22.71	5.40	19.54	18.61	-0.93
Sisihan Piawai	4.41	4.19	0.22	3.96	3.63	0.33

Jadual 6: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Peningkatan Min Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Keyakinan Kendiri Sebagai Ahli Sejarah)

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	Sig.						Bawah	atas
Perbezaan Skor Min	3.20	0.08	6.08	133	0.00	4.10	0.67	2.76	5.44

\*Pada aras signifikan 0.05

### 6.3 Persoalan Kajian 3

Adakah terhadap perbezaan min skor kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?

Bagi menjawab persoalan kajian diatas, hipotesis kajian ( $H_{03}$ ) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) adalah seperti berikut:

$H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan min skor kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional.

Berdasarkan Jadual 7, kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca dalam kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah. Perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah 4.86 (19.14 – 14.28). Manakala perbezaan min skor bagi kumpulan kawalan pula adalah -0.93 (16.25 – 15.56). Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Seterusnya, ujian signifikan bagi peningkatan skor min antara kumpulan eksperimen dan kawalan (Jadual 8) menunjukkan bahawa nilai-t adalah  $t(133) = 4.88$ . Pada aras signifikan yang telah ditetapkan adalah  $p < .05$  (2 tailed) nilai  $p = 0.00$ . Hal ini menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam perbezaan skor min di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Maka,  $H_{03}$  berjaya yang ditolak. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sememangnya memberikan kesan yang signifikan terhadap kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah. Oleh itu, dapatan kajian ini juga bertentangan dengan kajian Wineburg, (1991) yang mengatakan bahawa tahap kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah dalam kalangan guru dan murid adalah rendah dalam membuat analisis sumber sejarah. Hal ini kerana kurangnya pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan analisis sumber sejarah yang menyebabkan murid beranggapan bahawa aktiviti tersebut adalah sukar dan mereka tidak mampu melaksanakannya dalam konteks pembelajaran sejarah. Namun begitu, dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Nokes, (2014) yang melaporkan bahawa murid berbeza aliran kelas dapat mempamerkan kemampuan mereka berperanan sebagai ahli sejarah yang lebih baik semasa melaksanakan pembelajaran berasaskan sumber sejarah.

Jadual 7 Perbezaan Min Skor antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Kemampuan Berperanan Sebagai Ahli Sejarah)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor
Min	14.28	19.14	4.86	15.56	16.25	0.69
Sisihan Piawai	3.87	3.37	0.50	3.65	3.51	-0.14

Jadual 8 Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Peningkatan Min Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Kemampuan Berperanan Sebagai Ahli Sejarah)

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	Sig.						Bawah	atas
Perbezaan Skor Min	0.14	0.71	4.88	133	0.00	2.89	0.59	1.72	4.06

#### 6.4 Persoalan Kajian 4

Adakah terhadap perbezaan min skor persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?

Bagi menjawab persoalan kajian diatas, hipotesis kajian ( $H_{o4}$ ) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) adalah seperti berikut:

$H_{o4}$ : Tidak terdapat perbezaan min skor persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional.

Jadual 9 Perbezaan Min Skor antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Persepsi Ilmu Sejarah Sebagai Suatu Peristiwa yang Telah Lepas)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor
Min	13.28	19.32	6.04	15.56	15.63	0.70
Sisihan Piawai	3.87	5.03	0.50	3.65	3.65	-0.14

Jadual 10 Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Peningkatan Min Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Persepsi Ilmu Sejarah Sebagai Suatu Peristiwa yang Telah Lepas)

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	Sig.						Bawah	atas
Perbezaan Skor Min	4.99	0.07	3.50	133	0.00	3.69	1.05	1.59	5.80

Berdasarkan Jadual 9, kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca dalam persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas. Perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah 6.04 (19.32 – 13.28). Manakala perbezaan min skor bagi kumpulan kawalan pula adalah 0.70 (15.63 – 15.56). Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Seterusnya, ujian signifikan bagi peningkatan skor min antara kumpulan eksperimen dan kawalan (Jadual 10) menunjukkan bahawa nilai-t adalah  $t(133) = 3.50$ . Pada aras signifikan yang telah ditetapkan adalah  $p < .05$  (2 tailed) nilai  $p = 0.00$ . Hal ini menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam perbezaan skor min di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Maka,  $H_{o4}$  berjaya yang ditolak. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sememangnya memberikan kesan yang signifikan terhadap persepsi ilmu sejarah sebagai suatu peristiwa yang telah lepas. Oleh itu, dapatan kajian ini juga

selaras dengan kajian Nokes, (2014) yang proses membuat analisis sumber sejarah. Hal ini kerana pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan analisis sumber sejarah secara intensif berupaya untuk mengangkat martabat ilmu sejarah itu sendiri seperti yang disarankan dalam struktur disiplin sejarah.

### 6.5 Persoalan Kajian 5

Adakah terhadap perbezaan min skor penggunaan sumber-sumber sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid mengikuti kaedah pengajaran konvensional?

Bagi menjawab persoalan kajian diatas, hipotesis kajian ( $H_{05}$ ) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) adalah seperti berikut:

$H_{05}$ : Tidak terdapat perbezaan min skor penggunaan sumber-sumber sejarah yang signifikan bagi murid yang mengikuti kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dengan murid yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional.

Jadual 11 Perbezaan Min Skor antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Penggunaan Sumber-sumber Sejarah)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min Skor
Min	14.28	22.09	7.81	15.56	17.83	2.27
Sisihan Piawai	3.87	4.81	0.50	3.65	2.80	-0.14

Jadual 12 Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Peningkatan Min Skor Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Penggunaan Sumber-sumber Sejarah)

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	Sig.						Bawah	atas
Perbezaan Skor Min	12.37	0.89	4.52	133	0.00	4.26	0.94	2.38	6.14

Berdasarkan Jadual 11, kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca dalam penggunaan sumber-sumber sejarah. Perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah 7.81 (22.10 – 14.28). Manakala perbezaan min skor bagi kumpulan kawalan pula adalah 2.27 (17.83 – 15.56). Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan min skor bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Seterusnya, ujian signifikan bagi peningkatan skor min antara kumpulan eksperimen dan kawalan (Jadual 12) menunjukkan bahawa nilai-t adalah  $t(133) = 4.52$ . Pada aras signifikan yang telah ditetapkan adalah  $p < .05$  (2 tailed) nilai  $p = 0.00$ . Hal ini menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan dalam perbezaan skor min di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Maka,  $H_{05}$  berjaya yang ditolak. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sememangnya memberikan kesan yang signifikan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah. Oleh itu, dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Wineburg, (1991) yang mengatakan bahawa penggunaan sumber-sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berupaya untuk mengubah dan membentuk identiti mata pelajaran sejarah itu sendiri standing dengan mata pelajaran yang lain pada peringkat global melalui proses pengkajian sejarah yang dapat meningkatkan proses penaakulan sejarah dalam kalangan murid.

## 7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah dapat meningkatkan persepsi murid terhadap identiti mata pelajaran sejarah dari segi keseronokan belajar sejarah, keyakinan sendiri sebagai ahli sejarah dan kemampuan berperanan sebagai ahli sejarah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam identiti mata pelajaran sejarah bagi murid yang menggunakan sumber sejarah berbanding dengan murid yang menggunakan buku teks. Hal ini kerana murid yang menggunakan sumber sejarah dapat meneroka dan menganalisis sumber sejarah yang

mbolehkan mereka dapat mengkaji sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam, disamping dapat membandingkan maklumat daripada pelbagai jenis sumber sejarah yang ditafsir dan dianalisis. Manakala, murid yang menggunakan buku teks hanya bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang sedia ada dalam buku teks yang telah mengehadkan proses pengkajian sejarah. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) untuk mencadangkan kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat dilaksanakan di peringkat sekolah. Usaha ini membolehkan guru dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada dengan penggunaan pelbagai jenis sumber sejarah yang relevan berdasarkan kandungan sejarah seperti yang dapat diperolehi secara atas talian daripada portal Muzium Negara dan Arkib Negara Malaysia. Oleh itu, kaedah pembelajaran berasaskan sumber sejarah merupakan salah satu alternatif dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih menarik. Bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih menyeronokkan, penggunaan sumber sejarah merupakan satu inovasi dalam melahirkan murid yang berjati diri yang baik dengan memperkasakan identiti ilmu sejarah, disamping meningkatkan keupayaan murid dalam menghayati ilmu sejarah tersebut (Mohd Mahzan Awang et al, 2016; Nokes, 2014; Renuka Ramakrishnan et al, 2014; Reisman, 2012).

## 8.0 RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (1999). *Kemahiran Berfikir Kritis Merentasi Kurikulum: Pendekatan Pedagogi dan Wawasan Pendidikan*. Bestari. Shah Alam: Penerbit Fajar bakti.
- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, Ahmad Ali Seman, & Ramle Abdullah. (2013). The Skills of Using History Textbooks in Secondary School. *Asian Social Science*, 9(12), 229-236.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Kaneson Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad & Abdul Rahman Abdul Aziz. (2005). Kesan Efikasi Guru Sejarah terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 14-26.
- Barton, K.C. (2005). Primary sources in history: Breaking through the myths. *Phi Delta Kappan*, 86(10), 745-753.
- Breakstone, J., & Smith, M. (2013). Using Library of Congress Primary Sources for assessment. *The TPS Journal*, 1(3), 1-8.
- Britt, M.A., & Rouet, J.F. (2011). Research Challenges in the use of multiple documents. *International Design Journal*, 19(1), 62-68.
- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *TechTrends*, 51(3), 30-37
- Cook, T, D., & Campbell, D.T. (1979). *Quasi-experimentation: Design and analysis issues for field settings*. Boston: Houghton Mifflin.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Cowgill II, D.A. (2014). Using the Library of Congress to create DBQ's and Book Backdrops.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Huistra, H., & Mellink, B. (2016). Phrasing history: Selecting sources in digital repositories. *Historical methods*, 49(4), 220-229
- Hynd, C.R. (1999). Teaching students to think critically using multiple texts in history. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 42(6), 428-436.
- Jacobson, M.J., & Archodidou. (2000). The Design of Hypermedia tools for learning: Fostering Conceptual change and transfer of complex scientific knowledge. *The Journal of the Learning Sciences*, 9(2), 145-199.
- Kwartolo, Y. (2010). Teknologi Informasi dan Komunikasi dalam Proses Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 14, 16-28.
- Library of Congress. (2006). Using Primary Sources. Retrieved from [http://www.loc.gov/teahers/using\\_primary\\_sources/](http://www.loc.gov/teahers/using_primary_sources/)
- Macedo-Rouet, M., Braasch, J.L.G., Britt, M.A & Rouet, J.F. (2013). Teaching Fourth and Fifth Graders to Evaluate Information Sources During Text Comprehension. *Cognition and Instruction*, 31(2), 204-226, 204-226.

- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical thinking skills and mastery of multiple documents tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44-56.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shahrudin. (2013). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *JEBAT*, 39(2), 116-141.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Ed. Ke-4. Boston: Allyn and Bacon
- Newmann, M. (2001). Primary Sources in Perspective. *Journal Educations and Students with Library of Congress Resources*.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015) *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, historical cultures and history education*, 2(1), 70-88.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah. (2012). Penggunaan Sumber Digital Sejarah Dalam Kalangan Guru Sejarah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan, Zon Regency by the Sea Johor Bharu*, 7-9 Oktober 2012.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa, & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah.
- Siti Hawa Abdullah. (2008). Takrif dan Ciri-ciri Pemikiran Sejarah. *Pendidikan Sejarah*, 9(1), 98-106.
- Spiro, R.J., Feltovich, P.I., Jacobson, M.I., & Coulson, M.I. (1995). *Cognitive Flexibility, Constructivism, and hypertext: Random Access Instruction for Advanced Knowledge Acquisition in Ill-Structured Domains*. Erlbaum.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (M). Sdn Bhd
- Wineburg, S.S. (1991). On the Reading of Historical Texts: Notes on the Breach between School and Academy. *American Educational Research Journal*, 28(3), 495-519.
- Wineburg, S.S. (2001). *Historical Thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Philadelphia: Temple University Press.